

Kod Pemeriksa :

Bahagian	No. Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	3	
	2	1	
	3	2	
	4	3	
	5	2	
	6	1	
	7	3	
	8	2	
	9	3	
	10	2	
	11	2	
	12	2	
	13	2	
	14	3	
	15	3	
	16	4	
	17	3	
	18	3	
	19	3	
	20	3	
B	1	10	
	2	10	
	3	15	
	4	15	
Jumlah		100	

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab semua soalan.

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : 60 minit

1. Jadual 1 menunjukkan beberapa teknik menyampaikan maklumat.

Teknik Menyampaikan Maklumat		
P	Q	R
<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahasa yang mudah difahami. 	<ul style="list-style-type: none"> • Suara mestilah jelas 	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pakaian kemas dan bersih

Jadual 1

Nyatakan teknik:

P :**Q** :**R** :

[3 markah]

2. Pernyataan berikut adalah maksud satu istilah dalam pengurusan sumber keluarga.

Segala bahan atau punca yang ada pada diri dan persekitaran individu dan keluarga

Apakah istilah yang berkaitan dengan maksud itu?

.....

[1 markah]


3. Nyatakan **dua** kaedah yang boleh digunakan untuk mendapat maklum balas tentang peningkatan kendiri.

i)

ii)

[2 markah]

4. Rajah 1 menunjukkan langkah menyediakan bajet.



Rajah 1

Nyatakan:


X :

Y :

Z :

[3 markah]

5. Rajah 2 menunjukkan klasifikasi gentian asli dan sumbernya.



Rajah 2

Nyatakan nama gentian yang dihasilkan daripada sumber X dan Y.

i) Sumber X :

ii) Sumber Y :

[2 markah]

6. Rajah 3 menunjukkan cara mengukur bahagian garis tengah belakang.




Rajah 3

Nyatakan cara mengambil ukuran bahagian badan tersebut.

.....
.....

[1 markah]

7. Rajah 4 menunjukkan sebahagian daripada pola rompi.



Rajah 4

Nyatakan maksud tanda pola:

A :

B :

C :

[3 markah]

8. Nyatakan **dua** sumber vitamin A.

i)

ii)

[2 markah]

9. Pernyataan berikut menerangkan tentang seorang pelajar perempuan.

Amira merupakan seorang remaja yang gemar mengambil makanan segera di waktu malam. Beliau juga gemar memasak dan berkongsi juadah dengan jirannya.

Berdasarkan pernyataan itu, nyatakan **tiga** faktor yang mempengaruhi pengambilan diet Amira.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

10. Rajah 5 menunjukkan logo agensi kerajaan yang membantu usahawan dalam perniagaan.



Rajah 5

Berdasarkan rajah 5, nyatakan **dua** peranan agensi itu.

i)

ii)

[2 markah]

11. Rajah 6 menunjukkan kategori luka lecur atau terbakar.
Nyatakan tahap kecederaan pada ruang yang disediakan.

Kategori	Tahap kecederaan
	
	

Rajah 6

[2 markah]

12. Pernyataan berikut adalah tentang suatu istilah dalam bidang makanan dan pemakanan. Nyatakan istilah itu dalam ruang yang disediakan.

Pergerakan fizikal atau pemindahan bakteria berbahaya daripada seseorang, objek atau tempat ke tempat lain	
Kehadiran bendasing ke dalam makanan yang menyebabkan makanan tersebut tidak selamat dimakan	

[2 markah]

13. Jadual 2 adalah pernyataan tentang agensi yang menguatkuasakan undang-undang dan keselamatan pekerjaan.

Nyatakan agensi tersebut pada ruang yang disediakan.

Pernyataan	Agensi
Membantu individu mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang baik.	
Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebijakan pekerja	

Jadual 2

[2 markah]

14. Rajah 7 menunjukkan pengendali makanan di sebuah restoran.



Rajah 7

Nyatakan **tiga** kepentingan pemilihan jenis pakaian pengendali makanan tersebut.


i)

ii)

iii)

[3 markah]


15. Jadual 3 menunjukkan peralatan menghidang. Nyatakan alatan tersebut pada ruang yang disediakan.



Jadual 3

[3 markah]

16. Rajah 8 menunjukkan sejenis bahan makanan.



Rajah 8

- a) Nyatakan kaedah memasak bagi bahan makanan tersebut

Prinsip	Kaedah memasak
Haba lembab	
Haba kering	

[2 markah]

- b) Nyatakan **dua** tujuan memasak makanan itu.

i)

ii)

[2 markah]

17. Puan Talita ingin menyediakan masakan daging masak merah sebagai makan tengahari mereka sekeluarga.

Nyatakan mise en place yang boleh dilakukan oleh Puan Talita untuk memasak menu tersebut.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

18. Gambarajah pada rajah 9 menunjukkan sejenis masakan pasta.



Rajah 9

Berdasarkan rajah,

- a) Namakan jenis pasta tersebut.

.....

[1 markah]

- b) Berdasarkan jawapan anda di 18 (a), nyatakan **dua** cara pemilihan pasta yang baik.

i)

ii)

[2 markah]

19. Rajah 10 menunjukkan sejenis dessert.



Rajah 10

Berdasarkan rajah, nyatakan **tiga** bahan utama yang digunakan bagi menghasilkan dessert tersebut.

- i)
- ii)
- iii)

[3 markah]

20. Kelab Sains Rumah Tangga SMK Setia Alam Shah akan melaksanakan projek jualan makanan sempena Hari Kokurikulum peringkat sekolah.

Nyatakan **tiga** bahagian utama dalam merancang dan melaksanakan projek jualan tersebut.

- i)
- ii)
- iii)

[3 markah]

BAHAGIAN B

[50 markah]

Jawab semua soalan.

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : 90 minit

21. Jadual 4 menunjukkan nilai komposisi nutrien dalam makanan yang dimakan oleh Saiful.

Makanan	Porsi (g)	% EP	Komposisi nutrien yang boleh dimakan bagi setiap 100 g		
			Protein (g)	Lemak (g)	Karbohidrat (g)
Burger daging	150	100	17.6	9.1	25.6
Air soda	250	100	0	0	12.3

Jadual 4

- a) Kira jumlah tenaga bagi makanan itu.


[9 markah]

- b) Nyatakan **satu** kesan kepada Saiful jika makan makanan itu secara berlebihan.

.....

[1 markah]

22. Rakan anda yang berbadan tinggi dan gempal telah membeli fabrik lembut bercorak bunga saiz sederhana dan meminta anda melakar stail pakaian yang sesuai untuknya ke Majlis Graduasi.
- a) Lakar dan labelkan stail pakaian tersebut dengan menggunakan croquis pada Rajah 11.



Rajah 11

[9 markah]

- b) Cadangkan hiasan yang sesuai dipadankan dengan stail pakaian itu.

.....
[1 markah]

23. Maklumat berikut adalah petikan wawancara dengan Puan Dora yang menjalankan perniagaan mendobi pakaian secara layan diri 24 jam. Keuntungan perniagaannya dikatakan meningkat setiap tahun.

- Saya memilih tempat perniagaan berdekatan dengan sebuah institut pengajian yang baru dibuka dan kawasan perumahan.
 - Saya memberi diskain kepada pelajar-pelajar yang datang ke sini .
 - Pada setiap pagi saya membersih mesin-mesin saya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
 - Saya juga memberi sabun percuma untuk setiap cucian.
 - Harga untuk setiap cucian di kedai saya RM3.00 setiap cucian adalah lebih murah berbanding dengan perkhidmatan di kedai lain.

Berdasarkan petikan wawancara,

a) Terangkan elemen pemasaran yang terdapat pada perniagaan Puan Dora.

[12 markah]

b) Nyatakan **tiga** milikan perniagaan.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

24. Puan Sarimah ingin memilih mesin pengadun roti untuk digunakan di kilang bakerinya. Rajah 12 menunjukkan maklumat dua mesin pengadun roti yang berkaitan.

	
Rm 1500.00 Boleh menampung sehingga 4 liter Diperbuat daripada keluli tahan karat Jaminan selama 2 tahun	Rm 149.00 Boleh menampung sehingga 2 liter Diperbuat daripada plastik Jaminan selama 1 tahun
Produk A	Produk B

Rajah 12

Berdasarkan rajah,

1. i) Terangkan aspek penilaian bagi kedua-dua jenis mesin pengadun roti tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[12 markah]

- ii) Berdasarkan penilaian di 24 a (i), tentukan mesin pengadun roti yang sesuai dipilih oleh Puan Sarimah.

[View Details](#) | [Edit](#) | [Delete](#)

[1 markah]

2. Nyatakan **dua** cara penyelenggaraan dan penyimpanan mesin pengadun roti tersebut.

i).....

ii).....

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.